

Optimis sasar 50,000 pengunjung

Program Selangor Agrofest 2016 sarat pengisian menarik, tumpu teknologi moden dalam pertanian dan penternakan

MORIB - Kerajaan Selangor menasarkankan lebih 50,000 pengunjung bakal hadir ke Program Selangor Agrofest 2016 yang berlangsung di Dataran Pantai Morib bermula sejak semalam hingga Ahad ini.

Exco Infrastruktur, Kemudahan Awam, Pemodenan Pertanian dan Industri Tani, Zaidy Abdul Talib berkata, dengan jumlah itu pihaknya turut menganggarkan jualan tunai berjumlah RM250,000 hingga RM300,000.

Menurutnya, sasaran yang ditetapkan itu adalah realistik jika mengambil kira setiap pengunjung berbelanja sebanyak RM5 seorang.

"Kahini kita mengikut tema 'SmartAgro @ SmartSelangor' di mana pada tahun ini kita lebih memberikan tumpuan

pada teknologi moden di dalam sektor pertanian seperti tanaman berkonsepkan fertigasi, penternakan menggunakan konsep artificial insemination (AI), penggunaan dron di dalam sektor pertanian dan banyak lagi.

"Dalam masa sama, program tahunan ini sebagai usaha meraikan kejayaan dan menghargai jasa petani, penternak dan nelayan di Selangor," katanya ketika mengadakan lawatan ke Tapak Program Selangor Agrofest di Dataran Pantai Morib, semalam.

Selain itu, program ini juga bertujuan memberi ruang dan peluang kepada golongan usahawan tani di dalam mempromosikan hasil produk mereka sama ada hasil darat mahupun laut.

Tambahnya, pameran daripada Jabatan Perkhidmatan



Zaidy bersama Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Selangor, Dr Akma Ngahamid turut mengadakan lawatan ke pameran lembu sado.

Veterinar Negeri Selangor turut memberikan peluang kepada orang ramai untuk melihat sendiri jenis temakan dan haiwan peliharaan selain mem-

beri perkhidmatan klinik haiwan bergerak.

"Paling menarik pada kali ini, terdapat rangka ikan paus dipertontonkan setelah ia

pertama kali dibawa ke daerah Sabak Beraam dan Kuala Selangor pada 2014 dan 2015.

"Fakta menarik berkenaan rangka ikan paus ini ialah

sebenarnya ia telah ditemui terdampar di kawasan Pantai Morib sekitar tahun 70-an dahulu dan setelah berpuluh tahun, akhirnya rangka ikan paus ini kembali semula untuk dipertunjukkan kepada penduduk Kuala Langat.

"Selain itu, kita juga mahu membantu lebih 100 usahawan di tapak program mendapat keuntungan besar menerusi jualan termasuk makanan sejuk beku, kerepek, minuman berasaskan herba, anak-anak pokok baja dan jualan produk segar," katanya sekali gus mengajak penduduk Kuala Langat dan Selangor datang memeriahkan program tersebut.

Katanya, program terbesar yang membantu menambahkan lagi bilangan pengunjung itu membantu mempopularkan pantai di daerah itu.



BERNAMA MEDIA SHOWCASE 2017
DISEDIAKAN OLEH: NAZIRA NURAN

Pameran Bernama Media Showcase 2017 diadakan di Hotel Maya Kuala Lumpur baru-baru ini menerima sambutan menggalakkan dengan penyertaan lebih 200 tamu industri.

Menurut Pengurus Besar Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (Bernama) Datuk Zulkefli Salleh, pameran kali kedua ini khusus untuk mendekati pelanggan sektor kerajaan dan swasta serta badan-badan bukan Bernama dengan diskaun harga istimewa antaranya melalui Portal Bernama, Bernama Radio, Bernama News Channel (BNC), Newswire dan Foto Bernama.

Turut hadir Pengurus Bernama Datuk Seri Azman Ujang, Ketua Pengarang Datuk Zakaria Abd Wahab, Penasihat Bernama Radio Datuk Syed Jamil Syed Jaafar serta ramai lagi pegawai kanan agensi berita itu.



MUHAMMAD NAZIR KHALID
Penulis Karya Bestari

BERSAMA

CEPAT & MUDAH
Kini anda boleh membuat pembelian secara online melalui aplikasi WhatsApp

CUMA PERLU WHATSAPP

1. Tajuk Novel/Book: 2. Kuantiti: 3. Nama Artis:
4. No. Telefon Jeda 5. Alamat: 6. Masa/kon 100 yang diberikan

KE NOMBOR
019-2297227
http://mall.karangkraf.com



Kraf Karya

BERSAMA PENKALIS DI BERNAMA RADIO

CELIK DOA
Muhammad Nazir Muhammad Khalid

PINTAR AL-QURAN
Muhammad Nazir Muhammad Khalid

TARIKH
24 OKTOBER 2016 (ISININ)

MASA
12.15 T/HARI - 12.55 T/HARI

FREKUENSI
93.9 FM (LEMBAH KLANG FPO) 107.5 FM (JOHOR FPO)
100.9 FM (SARAWAK FPO) 107.9 FM (SABAH FPO)



